

Hubungan Antara Trauma Zaman Kanak-kanak dan Kesediaan Perkahwinan Dalam Kalangan Kemunculan Dewasa di Selangor

The Relationship Between Childhood Trauma and Marriage Readiness Among Emerging Adulthood in Selangor

Nur Afrina Zulaikha Abdul Rahman

¹Suzana Mohd Hoesni

Program Psikologi

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: ¹smh@ukm.edu.my

ABSTRAK

*Trauma zaman kanak-kanak merupakan salah satu faktor psikologi penting yang berkait dengan kesediaan untuk berkahwin. Maka, kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor. Terdapat 60 orang responden yang berumur 18 hingga 29 tahun telah terlibat dalam kajian rintis, di mana mereka menetap di Selangor dan dipilih melalui persampelan mudah. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang meliputi alat ujian Childhood-Trauma Questionnaire - Short Form (CTQ-SF) oleh Bernstein et al. (2003) bagi penilaian trauma zaman kanak-kanak dan Criteria for Marriage Readiness Questionnaire (CMRQ) oleh Carroll et al. (2009) untuk pengukuran kesediaan perkahwinan. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan mempunyai hubungan negatif yang sederhana dan signifikan, $r = -0.452^{**}$, $p < 0.01$. Hasil analisis ujian-t sampel tidak bersandar menunjukkan bahawa min trauma zaman kanak-kanak bagi perempuan ($M = 52.92$, $SP = 11.09$) adalah lebih tinggi berbanding lelaki ($M = 52.86$, $SP = 9.37$) secara tidak signifikan dengan $t (58) = -0.015$, $p > 0.05$. Selain itu, hasil ujian-t menunjukkan min kesediaan perkahwinan perempuan ($M = 144.15$, $SD = 12.05$) juga lebih tinggi daripada lelaki ($M = 142$, $SD = 8.94$) secara tidak signifikan dengan $t (58) = -0.454$, $p > 0.05$. Dapatkan kajian mencadangkan bahawa trauma zaman kanak-kanak yang dialami oleh kemunculan dewasa sangat memainkan peranan dalam kesediaan perkahwinan mereka kelak. Kajian pada masa hadapan disarankan untuk memperluas saiz sampel dengan pelbagai faktor serta tempat di Malaysia agar dapat menghasilkan data yang lebih dipercayai.*

Kata kunci: trauma zaman kanak-kanak, kesediaan perkahwinan, kemunculan dewasa, kahwin, Selangor

ABSTRACT

*Childhood trauma is one of the important psychological factors associated with the readiness to marry. Therefore, this study aims to determine the relationship between childhood trauma and marriage readiness among emerging adults in Selangor. There were 60 respondents aged 18 to 29 years involved in the pilot study, where they resided in Selangor and were selected through convenience sampling. Data was collected using a questionnaire that included the Childhood-Trauma Questionnaire - Short Form (CTQ-SF) test tool by Bernstein et al. (2003) for the assessment of childhood trauma and the Criteria for Marriage Readiness Questionnaire (CMRQ) by Carroll et al. (2009) for the measurement of marriage readiness. Pearson's correlation analysis results show that childhood trauma and marriage readiness have a moderate and significant negative relationship, $r = -0.452^{**}$, $p < 0.01$. The results of independent sample t-test analysis show that mean childhood trauma for women ($M = 52.92$, $SP = 11.09$) is higher than men ($M = 52.86$, $SP = 9.37$) non-significantly with $t (58) = -0.015$, $p > 0.05$. In addition, the results of the t-test showed that the mean readiness for marriage of women ($M = 144.15$, $SD = 12.05$) is also higher than that of men ($M = 142$, $SD = 8.94$) non-significantly with $t (58) = -0.454$, $p > 0.05$. Research findings suggest that childhood trauma experienced by emerging adults plays a role in their readiness for marriage later. Future studies are recommended to expand the sample size with various factors and places in Malaysia in order to produce more reliable data.*

Keywords: childhood trauma, marriage readiness, emerging adulthood, marriage, Selangor

1. Pengenalan

Statistik Perkahwinan dan Penceraihan Malaysia (2022) melaporkan bahawa jumlah perkahwinan rakyat Malaysia pada tahun 2021 telah meningkat sebanyak 15.4 peratus berbanding tahun 2020, dimana daripada 186,297 kepada 214,943. Peningkatan yang luar biasa ini berlaku semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan dalam menangani isu COVID-19. Walhal demikian, senario perkahwinan lewat turut berlaku. Purata umur penduduk mula berkahwin pada masa kini adalah sewaktu umur lewat 20-an berbanding pada tahun 1980-an, iaitu pada umur awal 20-an. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara menjelaskan peningkatan yang berlaku boleh disebabkan oleh beberapa perkara. Antaranya, kos sara hidup yang semakin tinggi menyebabkan cabaran meningkat, malah tanggungjawab yang bakal dipikul dalam peralihan ke fasa perkahwinan perlu diberi perhatian. Menurut Carroll et al. (2009), penelitian bagi transisi fasa remaja ke arah kemunculan dewasa memerlukan masa bagi proses perkembangan golongan muda memberi komitmen sebagai orang dewasa, termasuklah komitmen perkahwinan.

Secara umumnya, perkahwinan merupakan kesinambungan mana-mana komuniti atau masyarakat melalui pembiakan terancang. Terdapat sesetengah individu yang mempunyai keinginan untuk berkahwin dan ada juga yang tidak merasakan perkahwinan ini satu keperluan baginya. Mkandawire, Simooya dan Monde (2019) berpendapat bahawa perkahwinan ini penting bagi kewujudan manusia yang dibentuk melalui tulang belakang berterusan demi kelangsungan hidup di dunia. Menjadi satu kefahaman umum bahawa setiap masyarakat memerlukan perkahwinan dan sekiranya terdapat komuniti yang kurang dalam perkahwinan dianggap sebagai keluarga mereka pasti akan gagal (Chewe 2013). Walaupun begitu, sesetengah individu memilih untuk tidak berkahwin kerana menjadi kewajipan dalam komuniti mereka untuk mengekalkan institusi di dalam keluarga dan mereka selalu menghadapi beberapa pengaruh luar daripada masyarakat. Antara pengaruh luar yang sering mereka lalui ialah tekanan masyarakat, tekanan keluarga dan pegangan kepercayaan kitab agama mengenai perkahwinan (Mwanza, Phiri, Chibamba & Muyangana 2019).

Arnett (2014) mentakrifkan kemunculan dewasa (*emerging adulthood*) sebagai individu yang berumur 18 hingga 29 tahun, dimana pada waktu ini individu perlu melalui fasa peralihan selepas remaja ke alam dewasa. Persepsi terhadap kesediaan perkahwinan juga akan berbeza setelah meningkatnya umur seseorang itu. Golongan muda pada awalnya hanya mempersepsi kesediaan perkahwinan sebagai pasangan yang telah tamat sesi persekolahannya dan sudah mendapat pekerjaan yang juga berkait dengan masa (*timing*) (Sassler & Schoen 1999). Sebaliknya, kesediaan perkahwinan bermaksud anggapan atau persepsi diri yang sudah bersedia untuk berkahwin sekiranya telah memilih pasangan (Mosko & Pistole 2010).

Transisi yang perlu dijalani oleh setiap individu ini amat berat kerana pembawaan keluarga dan persekitaran yang berlainan (Arslan 2019). Pengalaman sewaktu zaman kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam membentuk personaliti mereka sewaktu di alam dewasa. Kajian oleh Emery (1999) serta Fagan dan Rector (2000) mendapati bahawa kanak-kanak di Amerika Syarikat yang berhadapan dengan ibu bapa bercerai mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mengalami masalah kesihatan, masalah tingkah laku dan masalah pengurusan emosi yang membawa kepada kesukaran dalam mengekalkan sesuatu hubungan. Dapatkan ini seiring dengan kanak-kanak yang berdepan dengan penderaan atau pengabaian (LaBrenz, Dell Fong & Liu 2021). Daripada masalah ini juga, ia boleh menjadi salah satu punca untuk kitaran penderaan dalam keganasan rumah tangga berulang dalam sesebuah perkahwinan sekiranya gagal untuk merawat trauma yang dilalui sewaktu kecil.

Oleh itu, secara amnya objektif kajian ini adalah untuk melihat sama ada trauma zaman kanak-kanak dan kepuasan kehidupan memberi pengaruh kepada kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor ataupun tidak. Objektif spesifik kajian ini merangkumi:

1. Mengkaji perbezaan trauma zaman kanak-kanak dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor berdasarkan faktor jantina
2. Menghurai perbezaan kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor berdasarkan faktor jantina.
3. Mengenalpasti hubungan di antara trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Trauma Zaman Kanak-kanak

Pembawaan diri seseorang daripada zaman kanak-kanak adalah berbeza mengikut latar belakang dan persekitarannya (Arslan 2019). Wulandari (2020) mendapati bahawa latar belakang dan dorongan sejak kecil melalui orang terdekat seperti keluarga, jiran, saudara mara mempengaruhi persepsi terhadap kesediaan perkahwinan kerana kualiti perhubungan dan cara komunikasi yang dididik sewaktu kanak-kanak. Semakin baik sokongan sosial daripada orang-orang terdekat, semakin baik persepsi individu tersebut tentang kesediaan perkahwinannya (Holman & Li 1997). Kajian oleh Giannelis, Palmos, Hagenaars, Breen, Lewis & Muts (2021) mendapati bahawa individu yang menjadi mangsa kepada penderaan fizikal, emosi dan seksual mempunyai tahap kepercayaan yang rendah terhadap hubungan romantis. Hal ini bermaksud, mereka sukar untuk berasa sedia untuk berkahwin kerana kurang kepercayaan, perlu mengambil masa yang lebih lama berbanding individu yang tidak mengalami sebarang trauma (Şahin, 2019; Dombak & Çelik 2022) serta mempunyai persepsi yang negatif terhadap perkahwinan (Şahin 2019). Antara punca persepsi negatif ini berlaku daripada trauma yang dihadapi adalah disebabkan oleh perasaan stress, tertekan dan murung

sehingga ke alam dewasa (McClean 2020; Giannelis et al. 2021), dimana perempuan mengalaminya dengan lebih tinggi berbanding lelaki untuk penderaan emosi dan fizikal (Nguyen et al. 2017) tetapi masalah komunikasi pula berlaku lebih kerap pada lelaki (McClean 2020).

2.2 Kesediaan Perkahwinan

Pengalaman bagi kanak-kanak yang melihat ibu bapa kandung bercerai atau berpisah bukanlah sesuatu yang indah belaka. Kebanyakan daripada mereka berasa takut dan tidak selamat untuk menjalin hubungan intim kerana beranggapan bahawa ibu bapa mereka kurang mengambil berat dalam menjaga hubungan intim bersama mereka, takut ditinggalkan dan takut pengulangan kehidupan keluarga seperti itu berlaku lagi (Nur Amiratul Adibah & Zanariah 2020; Dombak & Çelik 2022). Apabila perasaan tersebut dibawa sehingga besar, ia menyebabkan individu tersebut tidak dapat mengekalkan hubungan intim mahupun hubungan romatis dan mereka sukar melaksanakan komitmen yang merupakan perkara utama dalam sesebuah perkahwinan. Dapatkan kajian menyatakan bahawa kaum wanita mempunyai kesediaan perkahwinan yang lebih tinggi berbanding lelaki (Mawaddah et al. 2019; Dombak & Çelik 2022) kerana Arnett (2014) berpendapat bahawa kaum lelaki memang sukar untuk memegang komitmen, tambah lagi dengan perkahwinan yang sememangnya merupakan satu komitmen yang besar dalam kehidupan. Walaubagaimanapun, terdapat kajian yang mendapati kedua-dua jantina mempunyai kesediaan perkahwinan yang sama rata (Wulandari 2020).

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Rekabentuk kajian yang telah dijalankan dalam kajian ini adalah menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian keratan rentas (*cross-sectional*), di mana penyelidik menggunakan rekabentuk kajian kaedah tinjauan (survei). Dalam kaedah kajian keratan rentas ini, penyelidik akan mengukur hasil dan pendedahan responden kajian. Malah, responden kajian hanya dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam kajian dan jika mereka terpilih, penyelidik dapat meneruskan penilaian dan hasil kajian (Setia 2016). Terdapat beberapa kelebihan dalam penggunaan kajian keratan rentas ini. Antaranya, rekabentuk ini hanya melibatkan kos yang sedikit serta menggunakan masa yang singkat bagi mengumpul data (Setia 2016). Seterusnya, kaedah tinjauan dalam kajian ini merupakan penyelidikan bukan eksperimental yang dapat mengumpul maklumat secara terus daripada responden dan dapat menghasilkan kenyataan am bagi populasi kajian yang digunakan (Chua 2006). Tambahan lagi, kaedah tinjauan ini dapat dijalankan dengan pelbagai cara iaitu melalui pos, temu bual secara lisan atau kertas-pensil, emel, secara dalam talian (*online*), aplikasi media sosial dan SMS.

Bagi penggunaan kaedah tinjauan dalam kajian ini, penyelidik akan mengedarkan borang soal selidik menggunakan medium internet sebagai alat kajian dan perlu secara atas talian melalui aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* serta di aplikasi telefon iaitu *Whatsapp* dan *Telegram*. Alat kajian yang dipilih iaitu medium internet ini terbukti mempunyai kadar respons yang tinggi, kos rendah, dapat dinilai dengan mudah dan cepat serta dapat melibatkan rangkaian subjek yang meluas, seperti subjek di peringkat antarabangsa (Chua 2006).

Menurut Kevin (2005), penggunaan kaedah tinjauan melalui medium internet ini dapat menarik populasi yang unik dan memberi akses kepada kumpulan mahupun individu yang mempunyai kesukaran untuk menggunakan saluran yang lain. Hal ini adalah sesuai dengan “*sampling frame*” yang telah dibuat oleh penyelidik bagi proses pemilihan responden kajian ini. Dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan kriteria yang perlu dipenuhi oleh responden, iaitu responden yang dipilih perlulah warga penduduk Selangor, berusia 18 hingga 29 tahun dan status belum pernah berkahwin.

3.2 *Analisis Data*

Selepas mengumpulkan data daripada responden, penulisan diteruskan lagi dengan menggunakan data mentah di dalam SPSS untuk dianalisis. IBM SPSS telah dipilih dalam kajian ini kerana perisian SPSS adalah fleksibel dalam menyelesaikan masalah yang mudah serta rumit dan telah digunakan secara meluas dalam menganalisis kajian berbentuk kuantitatif yang membuatkan perisian ini sesuai untuk penyelidik dalam mencapai objektif kajian (Rahman & Muktadir 2021). Langkah pertama ialah penyelidik telah menjalankan analisis deskriptif bagi mengenal pasti sekiranya terdapat *outliers* pada data mentah yang diperolehi dengan melihat kenormalan taburan data ataupun tidak melalui ujian kepencongan (*skewness*) dan kurtosis. Seterusnya, analisis deskriptif juga akan menunjukkan skor maksimum, skor minimum, peratusan dan kekerapan berdasarkan faktor demografi iaitu umur dan jantina responden.

Kemudian, sekiranya hasil analisis deskriptif tertabur secara normal dan mempunyai julat kepencongan yang boleh diterima, penyelidik memilih untuk membuat ujian parametrik dalam kajian ini. Hal ini kerana, ujian parametrik dapat digunakan hanya apabila taburan normal data dipenuhi dalam andaian (Chin & Lee 2008; Savani & Barrett 2009). Setelah itu, analisis inferensi pula diteruskan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Pertama sekali, ujian-T tidak bersandar telah dijalankan bagi mengenalpasti perbezaan jantina berdasarkan trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan, dimana ujian ini bertujuan untuk menyelesaikan objektif 1 dan 2. Kemudian, ujian korelasi *Pearson* pula telah dilakukan bagi mencapai objektif 3 dengan melihat sekiranya terdapat hubungan di antara trauma zaman kanak-kanak dengan kesediaan perkahwinan. Jadual 1. merupakan rumusan bagi objektif kajian dan analisis yang bakal dijalankan oleh penyelidik bagi mencapai objektif kajian tersebut.

JADUAL 1. Rumusan objektif kajian dan cara bagi menganalisisnya

Objektif Kajian	Cara Analisis
Mengkaji perbezaan trauma zaman kanak-kanak dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor berdasarkan faktor jantina.	Ujian-T Tidak Bersandar
Menghurai perbezaan kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor berdasarkan faktor jantina.	Ujian-T Tidak Bersandar
Mengenalpasti hubungan di antara trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor.	Ujian Korelasi <i>Pearson</i>

3.3 Kawasan Kajian

Selangor merupakan salah satu daripada 11 buah negeri di Semenanjung Malaysia dengan ukuran luas kira-kira 8000 km persegi. Negeri Selangor mempunyai infrastruktur yang sangat maju dan progresif dengan jumlah penduduk seramai 6.5 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia 2020). Majoriti penduduk Selangor adalah warganegara Malaysia dengan hanya 9.6% bukan warganegara. Kajian ini telah dijalankan di negeri Selangor dengan sasaran populasi adalah golongan kemunculan dewasa yang berusia 18 hingga 29 tahun. Berdasarkan Raosoft Sample Size Calculator, sekiranya penyelidik tidak mengetahui jumlah bilangan populasi bagi sasaran populasi, penyelidik boleh menganggar bilangan populasi adalah sebanyak 20,000 orang. Maka dengan itu, seramai 377 orang responden diperlukan sebagai saiz sampel bagi mewakili populasi dewasa muda dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, penyelidik hanya menggunakan 60 orang responden sahaja dalam kertas kerja ini kerana telah mengambil jumlah yang terbaik bagi kajian rentas. Menurut Isaac dan Michael (1995) serta Hill (1998), minimum saiz sampel bagi kajian rentas adalah 10 orang. Hal ini kerana, daripada jumlah tersebut juga penyelidik dapat membuat pengiraan yang mudah dan mempunyai keupayaan untuk menguji hipotesis. Dengan itu, penyelidik telah mengambil jumlah responden bagi kajian rentas melebihi 10 orang dan dapat menunjukkan keyakinan dengan lebih tepat.

Menurut Berk (1991), disebabkan penyelidik tidak mengetahui jumlah populasi sasaran, penyelidik akan menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan mudah (*convenience sampling*), di mana sesiapa sahaja yang dikenal pasti sebagai penduduk Selangor, memenuhi kriteria dan ingin mengambil bahagian dalam penyelidikan ini boleh menjawab borang soal selidik yang disediakan (Stratton 2021). Kaedah persampelan mudah ini popular kerana tidak mengeluarkan kos yang banyak, mudah dan lebih jimat masa berbanding kaedah persampelan yang lain (Stratton 2021).

3.4 Instrumen Kajian

Kaedah untuk mengumpul data kajian adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C seperti berikut:

Bahagian A: Demografi responden

Bahagian A dalam soal selidik ini adalah untuk mengambil tahu serba sedikit latar belakang responden agar mendapat satu gambaran bagi responden yang bakal diperolehi. Elemen item dalam bahagian ini ialah jantina sahaja.

Bahagian B: Soal selidik bagi trauma zaman kanak-kanak (*Childhood-Trauma Questionnaire - Short Form (CTQ-SF)*)

Instrumen dalam bahagian B ini adalah untuk mendapatkan data tentang trauma zaman kanak-kanak yang mengandungi 5 dimensi iaitu penderaan emosi (*emotional abuse*), penderaan fizikal (*physical abuse*), penderaan seksual (*sexual abuse*), pengabaian emosi (*emotional neglect*) dan pengabaian fizikal (*physical neglect*). Alat ujian Childhood-Trauma Questionnaire ini adalah versi pendek yang dibina oleh Bernstein et al. (2003). Terdapat 28 item dalam alat ujian ini bagi menilai penganiayaan kanak-kanak yang berlaku dalam 10 tahun yang lalu dan setiap item menggunakan skala Likert 5-poin dengan julat pemarkatan sebanyak 1 hingga 5. Jadual 2 menunjukkan indikator pemarkatan bagi setiap markat. Setelah mendapat markat responden, data akan dialihkan kepada pemarkatan 1 sehingga 5

atau 5 hingga 1 bagi item terbalik (item terbalik: 2, 5, 7, 13, 19, 26, 28) dan jumlah skor markat ditambah dengan nilai 5 hingga 25. Skor kumulatif secara keseluruhan adalah berjulat 25 hingga 125. Terdapat subskala 3-item Minimumkan/Penafian iaitu item 10, 16 dan 22 dengan tujuan untuk mengenal pasti setiap individu memberi respon yang diingini tanpa meminimumkan ataupun menafikan. Semakin tinggi jumlah skor markat, semakin tinggi tahap keterukan penganiayaan yang dihadapi.

JADUAL 2. Indikator pemarkatan skala Likert bagi alat ujian *Childhood-Trauma Questionnaire Short-Form* (CTQ-SF)

Markat	Indikator
1	Tidak Benar Sama Sekali (<i>Never True</i>)
2	Jarang Sekali Benar (<i>Rarely True</i>)
3	Kadangkala Benar (<i>Sometimes True</i>)
4	Selalunya Benar (<i>Often True</i>)
5	Sentiasa Benar (<i>Very Often True</i>)

Berdasarkan kajian oleh Kongerslev et al. (2019), ujian kesahan *confirmatory factor analysis* telah dijalankan dan keputusan menunjukkan kesesuaian model yang baik dengan nilai khi-kuasa dua = 673.437, df = 262 p < .001, RMSEA = .063, CFI = 0.909 dan SRMR = .071. Dapatkan bagi RMSEA yang bernilai diantara 0.05 hingga 0.08 adalah boleh diterima bagi sesuatu kajian (Fabrigar et. al 1999). Seterusnya, kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi alat ujian CTQ-SF ialah berjulat dari $\alpha = .85$ hingga $\alpha = .94$ bagi semua jenis sampel (Kongerslev et al. 2019), dimana pengkaji mengukur kebolehpercayaan daripada pelbagai jenis latar belakang kesihatan responden. Taber (2018) menyatakan bahawa kebolehpercayaan diantara 0.84 hingga 0.9 merupakan kebolehpercayaan yang baik.

Bahagian C: Soal selidik bagi kesediaan perkahwinan (*Criteria for Marriage Readiness Questionnaire*)

Pada tahun 2009, Carroll et al. telah membina satu alat ujian bagi mengukur kesediaan perkahwinan dalam kalangan remaja yang dinamakan sebagai *Criteria for Marriage Readiness Questionnaire* (CMRQ). CMRQ merupakan alat ukuran yang direplikasi mengikut kesesuaian tentang perkahwinan berdasarkan alat ujian yang dibina oleh Arnett (1997) iaitu *Criteria for Adulthood Questionnaire* (CAQ). Pada awalnya, terdapat 57 item secara keseluruhan tetapi kajian ini hanya menggunakan 42 item kerana telah mengambil kira faktor norma, nilai masyarakat serta agama di Malaysia (Nur Amiratul Adibah & Zanariah 2020). CMRQ terdiri daripada enam faktor kriteria perkahwinan, iaitu pematuhan norma (*norm compliance*), kapasiti keluarga (*family capacities*), peralihan peranan (*role transition*), kecekapan interpersonal (*interpersonal competencies*), kecekapan intrapersonal (*intrapersonal competencies*) dan pengalaman seksual (*sexually experienced*) dan setiap item menggunakan skala Likert 4-poin mengikut julat 1 sehingga 4 dan sebaliknya bagi 3 item terbalik (item ke 2, 13 & 54). Walaubagaimanapun, terdapat enam item yang tidak berskala iaitu item “mencapai umur 18”, “mencapai umur 21”, “mencapai umur 25”, “mencapai umur 30”, “kursus persediaan perkahwinan” dan “menanggung pembiayaan perkahwinan sendiri”. Indikator pemarkatan setiap markat adalah berdasarkan Jadual 3 dan penanda aras bagi tahap kesediaan perkahwinan mengikut Jadual 4. Semakin tinggi jumlah skor pemarkatan, semakin

tinggi kesediaan perkahwinan individu. Kebolehpercayaan bagi CMRQ ialah $\alpha = .86$ yang telah dilakukan oleh Nur Amiratul Adibah dan Zanariah (2020). Menurut Taber (2018), kebolehpercayaan diantara 0.84 hingga 0.9 ialah kebolehpercayaan yang baik.

JADUAL 3. Indikator pemarkatan skala Likert bagi alat ujian *Criteria for Marriage Readiness Questionnaire* (CMRQ)

Markat	Indikator
1	Sangat Tidak Penting (<i>Not At All Important</i>)
2	Tidak Berapa Penting (<i>Not Very Important</i>)
3	Agak Penting (<i>Fairly Important</i>)
4	Sangat Penting (<i>Very Important</i>)

JADUAL 4. Penanda aras jumlah markat kesediaan perkahwinan dalam alat ujian *Criteria for Marriage Readiness Questionnaire* (CMRQ)

Julat markat	Penanda aras
92 - 115	Rendah
116 - 139	Sederhana
140 - 164	Tinggi

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif telah dijalankan bagi memperoleh min, sisihan piawai, skor minimum dan skor maksimum bagi setiap boleh ubah kajian. Jadual 5 menunjukkan dapatan analisis deskriptif min dan sisihan piawai bagi trauma zaman kanak-kanak ($M = 52.92$, $SP = 10.83$) dan kesediaan perkahwinan ($M = 143.90$, $SP = 11.69$). Seterusnya, trauma zaman kanak-kanak mempunyai skor minimum sebanyak 41.0 dan skor maksimum pula sebanyak 101.0. Skor minimum bagi kesediaan perkahwinan ialah 96.0 dan skor maksimum sebanyak 160.0.

JADUAL 5. Analisis min, sisihan piawai, skor minimum dan skor maksimum bagi trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan

	Min	Sisihan piawai	Skor minimum	Skor maksimum
Trauma zaman kanak-kanak	52.92	10.83	41.0	101.0
Kesediaan perkahwinan	143.90	11.69	96.0	160.0

Kemudian, Jadual 6 menunjukkan analisis keherotan dan kurtosis bagi trauma zaman kanak-kanak iaitu 2.013 dan 6.050. Manakala bagi nilai kepencongan dan kurtosis kesediaan perkahwinan ialah -1.464 dan 3.781. Menurut Brown (2006), nilai kepencongan yang sesuai adalah antara -3 dan +3 manakala untuk nilai kurtosis pula di antara -10 dan +10. Sesetengah pengkaji lain menerima julat nilai kepencongan di antara -2 dan +2 dan nilai kurtosis di antara -7 dan +7 (Hair et al. 2010). Dengan itu, andaian bagi kenormalan data diterima dan kajian diteruskan menggunakan ujian parametrik.

JADUAL 6. Analisis kepencongan dan kurtosis bagi data taburan normal

	Trauma Zaman Kanak-kanak	Kesediaan Perkahwinan
n	60	60
Kepencongan	2.013	-1.464
Ralat piawai kepencongan	0.309	0.309
Kurtosis	6.050	3.781
Ralat piawai kurtosis	0.608	0.608

4.2 Analysis Inferensi

4.2.1 Ujian-t terhadap perbezaan trauma zaman kanak-kanak berdasarkan jantina.

Jadual 7 merupakan hasil analisis ujian-t sampel tidak bersandar bagi skor dimensi penderaan emosi untuk lelaki ($M = 10.00$, $SP = 4.24$) dan perempuan ($M = 9.49$, $SP = 4.32$). Dimensi penderaan fizikal pula menunjukkan nilai min lelaki ($M = 8.14$, $SP = 3.58$) dan perempuan ($M = 8.04$, $SP = 3.84$). Seterusnya, nilai min dimensi penderaan seksual bagi lelaki ($M = 5.71$, $SP = 1.50$) dan perempuan ($M = 6.19$, $SP = 3.39$). Bagi dimensi pengabaian emosi lelaki ($M = 9.00$, $SP = 4.58$) manakala perempuan ($M = 9.51$, $SP = 4.46$). Nilai min lelaki ($M = 6.29$, $SP = 2.21$) untuk pengabaian fizikal dan perempuan pula ($M = 7.06$, $SP = 2.50$). Akhir sekali, nilai min meminimumkan atau menafikan bagi lelaki ($M = 11.14$, $SP = 1.35$) manakala perempuan ($M = 10.08$, $SP = 1.81$).

Secara keseluruhan, nilai min trauma zaman kanak-kanak bagi perempuan ($M = 52.92$, $SP = 11.09$) adalah lebih tinggi berbanding lelaki ($M = 52.86$, $SP = 9.37$) secara tidak signifikan dengan $t(58) = -0.015$, $p > 0.05$.

JADUAL 7. Ujian-t terhadap perbezaan trauma zaman kanak-kanak berdasarkan jantina

Trauma zaman kanak-kanak	Lelaki (n = 7)		Perempuan (n = 53)		Ujian-t tidak bersandar	
	Min	S.P	Min	S.P	t (df = 58)	p
Penderaan Emosi	10.00	4.24	9.49	4.32	.294	.770
Penderaan Fizikal	8.14	3.58	8.04	3.84	.068	.946
Penderaan Seksual	5.71	1.50	6.19	3.39	-.363	.718
Pengabaian Emosi	9.00	4.58	9.51	4.46	-.283	.778
Pengabaian Fizikal	6.29	2.21	7.06	2.50	-.776	.441
Meminimumkan/Menafikan	11.14	1.35	10.08	1.81	1.504	.138
Jumlah Skor	52.86	9.37	52.92	11.09	-.015	.988

4.2.2. Ujian-t terhadap perbezaan kesediaan perkahwinan berdasarkan jantina.

Selain itu, Jadual 8 menunjukkan hasil ujian-t sampel tidak bersandar bagi dimensi pematuhan norma untuk nilai min lelaki ($M = 7.00$, $SP = 1.15$) dan perempuan ($M = 7.26$, SP

= 1.13). Bagi dimensi kapasiti keluarga pula, nilai min lelaki ($M = 34.71$, $SP = 3.45$) dan perempuan ($M = 36.23$, $SP = 4.54$). Disamping itu, nilai min lelaki untuk peralihan peranan ialah $M = 21.71$ ($SP = 2.98$) dan perempuan ($M = 20.83$, $SP = 2.37$). Dimensi kecekapan interpersonal bagi lelaki pula ($M = 29.14$, $SP = 2.04$) manakala perempuan ($M = 29.51$, $SP = 3.10$). Untuk nilai min kecekapan intrapersonal lelaki ($M = 21.00$, $SP = 1.73$) dan perempuan ($M = 20.34$, $SP = 1.73$). Dimensi terakhir ialah pengalaman seksual dengan nilai min lelaki ($M = 2.86$, $SP = 0.90$) dan perempuan ($M = 3.36$, $SP = 0.76$). Untuk nilai min item tidak berskala bagi lelaki ($M = 25.57$, $SP = 2.82$) dan perempuan ($M = 26.62$, $SP = 3.48$). Secara keseluruhannya, nilai min kesediaan perkahwinan bagi perempuan ($M = 144.15$, $SP = 12.05$) lebih tinggi daripada lelaki ($M = 142$, $SP = 8.94$) secara tidak signifikan dengan $t (58) = -0.454$, $p > 0.05$.

JADUAL 8. Ujian-t terhadap perbezaan kesediaan perkahwinan berdasarkan jantina

Kesediaan Perkahwinan	Lelaki (n = 7)		Perempuan (n = 53)		Ujian-t tidak bersandar	
	Min	S.P	Min	S.P	t (df = 58)	p
Pematuhan Norma	7.00	1.15	7.26	1.13	-.580	.564
Kapasiti Keluarga	34.71	3.45	36.23	4.54	-.846	.401
Peralihan Peranan	21.71	2.98	20.83	2.37	.902	.371
Kecekapan Interpersonal	29.14	2.04	29.51	3.10	.299	.763
Kecekapan Intrapersonal	21.00	1.73	20.34	1.73	.080	.327
Pengalaman Seksual	2.86	0.90	3.36	0.76	.603	.114
Jumlah Skor	142.00	8.94	144.15	12.05	.454	.651

4.2.3 Analisis hubungan antara trauma zaman kanak-kanak dengan kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor.

Jadual 9 menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan mempunyai hubungan negatif yang sederhana dan signifikan, $r = -0.452^{**}$, $p < 0.01$.

JADUAL 9. Korelasi Pearson terhadap hubungan antara trauma zaman kanak-kanak dengan kesediaan persediaan

Pemboleh ubah	Kesediaan perkahwinan	
Trauma zaman kanak-kanak	Korelasi Pearson	-0.452**
	Sig. (2-tailed)	.000
	n	60

** $p < 0.01$

4.3 Perbincangan

Penderaan fizikal merupakan salah satu kes yang tertinggi dalam penderaan kanak-kanak di Malaysia. Dapatan kajian oleh Salleh, Haridi, Rashed, Abd Rahman, Misran dan Zaim (2018) mendapati bahawa majoriti penderaan yang dialami oleh kanak-kanak perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Penyelidik mendapat dapatan kajian yang bertentangan tetapi perbezaan nilai min lelaki dan perempuan tidak jauh beza sama sekali. Antara aspek dimensi trauma zaman kanak-kanak yang sering dialami oleh kanak-kanak perempuan pada tahun 2017 ialah penderaan emosi, seksual, pengabaian pengawasan, pengabaian hak asasi dan lain-lain bentuk pengabaian (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2017). Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian penyelidik dalam jadual 7, dimana perempuan mempunyai penderaan seksual, pengabaian emosi dan pengabaian fizikal yang lebih tinggi daripada lelaki. Walau bagaimanapun, dimensi penderaan yang lain menunjukkan julat perbezaan yang kecil diantara lelaki dan perempuan. Tambahan lagi, dapatan kajian ini disokong oleh Salleh et al. (2017). Nguyen et al. (2017) turut memperoleh dapatan yang sama dalam kajiannya dan mengatakan bahawa sekiranya pasangan mempunyai sejarah penderaan, individu ini tidak akan memberi kesan kepada trauma pada zaman kanak-kanaknya sesama pasangan. Hal ini disebabkan oleh masing-masing telahpun melalui pengalaman yang buruk. Malah, kanak-kanak yang mengalami trauma semasa kecil mempunyai risiko untuk berhadapan dengan cabaran dalam menangani tekanan hidup, berkomunikasi secara berkesan dan bertingkah laku disfungsi (Banker et al. 2019).

Seterusnya, dapatan kajian menyatakan bahawa min bagi kesediaan perkahwinan jantina perempuan ($M = 144.15$, $SP = 12.05$) adalah lebih tinggi berbanding lelaki ($M = 142$, $SP = 8.94$). Terdapat beberapa kajian yang memperoleh dapatan yang sama, dimana Mawaddah et al. (2019) berpendapat bahawa perempuan lebih cenderung untuk mempunyai kesediaan perkahwinan yang tinggi dari segi aspek emosi, mental dan pengetahuan untuk berkahwin. Malah, perempuan juga sangat teliti dalam aspek kekeluargaan dan kepatuhan norma. Hal ini bermaksud, kesediaan dalam membina rumah tangga bagi perempuan adalah merupakan perkara yang penting kerana individu ini sudahpun mempersiapkan diri untuk mengurus kehidupan berumah tangga dan berusaha untuk tidak melakukan sesuatu yang melanggar norma (Mawaddah et al. 2019). Carroll et al. (2009) turut menghuraikan isu yang sama bahawa perempuan cenderung untuk mempertimbangkan sesuatu perkara dan akibat sebelum melakukan sesuatu. Dengan itu, kaum perempuan bertindak mengikut kesesuaian norma. Tambahan lagi, kajian oleh Dombak dan Çelik (2022) menjelaskan bahawa sikap perkahwinan bagi perempuan adalah lebih tinggi daripada lelaki. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh wanita berpegang pada pandangan yang lebih tradisional ke atas topik perkahwinan (Dombak & Çelik 2022). Pandangan tradisional tentang perkahwinan dimaksudkan dengan peringkat merisik dan ibu bapa bertanggungjawab untuk mencari dan memilih jodoh yang sesuai bagi anaknya (Sallehuddin 2022). Manakala bagi pandangan perkahwinan moden di Malaysia adalah dengan ibu bapa tidak lagi campur tangan dalam pemilihan bakal pasangan anak kerana telah menyerahkan sebulat-bulatnya untuk individu membuat keputusan sendiri. Dapatan kajian juga mendapati bahawa min lelaki lebih tinggi daripada perempuan untuk aspek peralihan peranan. Menurut Carroll et al. (2009), hasil kajiannya menunjukkan bahawa lelaki lebih bersedia untuk hidup berdikari dan berjauhan daripada ibu bapa mereka secara fizikal, psikologikal dan kewangan. Kendatipun, perempuan pula mendapat min yang lebih tinggi untuk kecekapan interpersonal berbanding lelaki. Mawaddah et al. (2019) turut mendapat hasil kajian yang sama dan berpendapat bahawa perempuan cenderung untuk lebih bersedia dalam menjalin hubungan sosial dengan baik.

sesama orang sekeliling. Malah, perempuan mudah untuk menjaga kepentingan orang lain terlebih dahulu berbanding dirinya sendiri (Mawaddah et al. 2019).

Selain itu, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan. Dapatan ini sejiring dengan kajian Nguyen et al. (2017) yang menerangkan bahawa individu yang mempunyai sejarah penderaan mempunyai perkaitan dengan kepuasan hubungan. Trauma zaman kanak-kanak yang tinggi oleh kedua-dua jantina lelaki dan perempuan diramalkan mempunyai kepuasan hubungan yang rendah. Malah, didapati bahawa individu yang mempunyai pengalaman dalam penderaan seksual lebih cenderung untuk bersikap negatif terhadap perkahwinan (Dombak & Çelik 2022). Individu ini tidak akan berfikir untuk berkahwin dan sekiranya individu berfikir tentang hal tersebut, ia akan mengambil masa yang lama untuk meneruskan ke fasa perkahwinan (Larson & La Mont 2005; Şahin 2019). Larson dan La Mont (2005) turut menjelaskan bahawa individu yang mempunyai trauma zaman kanak-kanak mempunyai perasaan yang negatif terhadap perkahwinan. Misalnya, individu ini sering merasakan perkahwinan akan lebih mengecewakan daripada memuaskan, lebih mendesak daripada mudah dan lebih tegang daripada gembira. Hasil trauma daripada penderaan yang dialami juga dipercayai menyebabkan seseorang itu tidak bersedia dari segi kewangan, emosi dan seksual untuk berkahwin serta mengambil masa kira-kira 1.5 tahun lebih lama menunggu sebelum berkahwin. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa ramai individu mengelak hubungan percintaan dan membina sikap negatif terhadap perkahwinan kerana perasaan bersalah dan tidak selamat yang timbul akibat trauma (Dombak & Çelik 2022).

5. Rumusan dan Cadangan

Jelaslah terdapat hubungan di antara trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan secara signifikan di dalam kajian ini. Beberapa kajian lain turut menyokong tetapi terdapat juga kajian lain yang mendapat hasil berbeza seperti yang telah dibincangkan di atas.

Kesimpulannya, kajian ini dapat memberi implikasi yang positif ke atas penyelidik lain dan masyarakat sejagat. Antaranya, kajian ini dapat mengisi jurang berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai kesediaan perkahwinan di Malaysia. Daripada dapatan kajian ini juga pihak berkuasa dapat mengambil inisiatif dalam menangani isu masalah rumah tangga yang kian meningkat seperti kes penceraian, penderaan dan pengabaian anak dengan mengukur kesediaan perkahwinan secara kasar dalam kalangan penduduk Selangor di Malaysia yang berumur 18 hingga 29 tahun. Tambahan lagi, dapatan kajian ini dapat menjadi rujukan kepada kerajaan dalam menambah baik program pemerkasan perkahwinan dengan mempromosikan kepentingan persediaan sebelum berkahwin demi memperkuuh institusi kekeluargaan yang bakal dibina.

Walau bagaimanapun, kajian ini mencadangkan untuk pihak sekolah, universiti atau mana-mana pihak atasan untuk memberi pendedahan tentang kepentingan kesediaan perkahwinan agar dapat membentengi masalah rumah tangga dan kes penceraian yang kian meningkat. Selain itu, diharapkan kajian pada masa akan datang dapat membuat analisis topik ini dengan lebih mendalam dan disarankan untuk memperluas saiz sampel dengan pelbagai faktor serta tempat di Malaysia agar dapat menghasilkan data yang lebih dipercayai. Secara keseluruhannya, kajian ini sedikit sebanyak memberi pendedahan kepada generasi muda untuk mengkaji dan menyungkil topik ini dengan lebih mendalam di negara kita.

Rujukan

- Arnett, J. J. (2014). *Emerging adulthood: The winding road from the late teens through the twenties*. New York: Oxford University Press.
- Arslan, S. (2019). The relationship between interpersonal style, forgiveness and marriage attitude in teacher candidates' examination. Master Thesis, Bursa Uludag University.
- Banker, J., Witting, A. B. & Jensen, J. 2019. Hormone and childhood trauma: Links between the physical and psychological. *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families* 27. 300–308.
- Berk, R. A. (1991). *Toward a methodology for mere mortals. Dlm. P. V. Marsden (pnyt.). Sociological Methodology*. Washington, D. C.: The American Sociological Association.
- Bernstein, D. P., Stein, J. A., Newcomb, M. D., Walker, E., Pogge, D., Ahluvalia, T. & Zule, W. (2003). Development and validation of a brief screening version of the Childhood Trauma Questionnaire. *Child Abuse & Neglect* 27(2), 169–190.
- Brown, T. A. (2006). *Confirmatory factor analysis for applied research*. Guilford Press.
- Carroll, J. S., Badger, S., Willoughby, B. J., Nelson, L. J., Madsen, S. D. & Barry, C. M. (2009). Ready or not? Criteria for marriage readiness among emerging adults. *Journal of Adolescent Research*. 349-372.
- Chewe, M. M. (2013). ‘A Comparative Study of Catholic and Bemba Marriage Educational Programmes in Selected Parishes of Lusaka District and Their Impacts on Marriage and Family Life,’ MA Dissertation: University of Zambia.
- Chin, R. & Lee, B. Y. (2008). Principles and Practice of Clinical Trial Medicine. *Analysis of Data*. 325–359. doi:10.1016/b978-0-12-373695-6.00015-6
- Chua, Y, P. (2006). *Asas statistik penyelidikan buku 2*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Dombak, K. & Çelik, E. (2022). An investigation of marriage attitude in terms of perception of gender, ambivalent sexism and some variables. *Cukurova University Faculty of Education Journal* 51(3), 1700-1720.
- Emery, R. E. (1999). *Marriage, divorce, and children's adjustment*. London: Sage publications.
- Fabrigar, L. R., MacCallum, R. C., Wegener, D. T. & Strahan, E. J. (1999). Evaluating the use of exploratory factor analysis in psychological research. *Psychological Methods* 4(3), 272–299. doi: 10.1037/1082-989X.4.3.272
- Fagan, P. F. & Rector, R. (2000). The effects of divorce on America. *World and I* 15(10), 56-61.
- Giannelis, A., Palmos, A., Hagenaars, S. P., Breen, G., Lewis, C. M. & Mutz, J. (2021). Examining the association between family status and depression in the UK Biobank. *Journal of Affective Disorders* 279. 585-598.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Prentice-Hall.

- Hill, R. (1998). What sample size is “enough” in internet survey research? *Interpersonal Computing and Technology: An Electronic Journal for the 21st Century* 6, 3-4. Retrieved from <http://www.emoderators.com/iptc-j/1998/n3-4/hill.html>
- Holman, T. B. & Li, B. D. (1997). Premarital factors influencing perceived readiness for marriage. *Journal of Family Issues* 18(2), 124-144.
- Isaac, S. & Michael, W. B. (1995). *Handbook in research and evaluation*. San Diego, California: Educational and Industrial Testing Services.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2013-2017). Buku Laporan Statistik Malaysia.
- Kevin, B. W. (2005). Researching internet-based populations: Advantages and disadvantages of online survey research, online questionnaire authoring software packages and web survey services. *Journal of Computer-Mediated Communication* 10(3).
- Kongerslev, M. T., Bach, B., Rossi, G., Trauelsen, A. M., Ladegaard, N., Løkkegaard, S. S. & Bo, S. (2019). Psychometric validation of the Childhood Trauma Questionnaire-Short Form (CTQ-SF) in a Danish clinical sample. *Child Abuse & Neglect*. 94.
- LaBrenz, C. A., Dell, P. J., Fong, R. & Liu, V. (2021). Happily ever after? Life satisfaction after childhood exposure to violence. *Journal of Interpersonal Violence*, 36. 13-14.
- Larson, J. H. & Lamont, C. (2005). The Relationship of Childhood Sexual Abuse to the Marital Attitudes and Readiness for Marriage of Single Young Adult Women. *Journal of Family Issues* 26(4), 415–430. doi:10.1177/0192513X04270474
- Mawaddah, S., Safrina, L., Mawarpuri, M. & Faradina, S. (2019). Perbedaan kesiapan menikah pada dewasa awal ditinjau dari jenis kelamin di Banda Aceh. *Jurnal Empati* 8(1), 320-328.
- McClean, S. (2020). The impact of child sexual abuse on the adult couple relationship: the perspective of the survivor attending for therapy at an Irish Rape Crisis Centre. P.h.D. Dissertation, Dublin City University.
- Mkandawire, S. B., Simooya, S. & Monde, P. (2019). *Cultural Literacy in Zambia: A Focus on Selected Myths and Taboos*. Lusaka: Unzapress.
- Mosko, J. E. & Pistole, M. C. (2010). Attachment and religiousness: Contributions to young adult marital attitudes and readiness. *The Family Journal*. 128 – 135.
- Mwanza, S., Phiri, J., Chibamba, A. C., & Muyangana, A. (2019). Understanding Cultural Roles of Traditional Marriage Counsellors in Ng’ombe Compound of Zambia. *Journal of Lexicography and Terminology* 3(1), 69-105.
- Nguyen, T. P., Karney, B. R. & Bradbury, T. N. (2017). Childhood abuse and later marital outcomes: Do partner characteristics moderate the association? *Journal of Family Psychology* 31. 82–92. <https://doi.org/10.1037/fam0000208>
- Nur Amiratul Adibah, A. D. & Zanariah, I. (2020). Relationship between financial well-being, self-esteem and readiness for marriage among final year students in Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(6), 19-24.
- Sahin, E. S. (2019). Marriage messages and marriage related messages received by university students from various sources attitudes. Ph.D Thesis, Hacettepe University.

- Salleh, N. M., Haridi, N. H. M., Rashed, Z. N., Abd Rahman, K. A., Misran, N. & Zaim, N. H. (2018). Faktor penderaan kanak-kanak di malaysia: Satu analisis. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019.
- Sallehuddin, M. K. M., (2022). Budaya konsumerisme dalam majlis perkahwinan orang Melayu dalam situasi pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Society and Space*. 264-274.
- Sassler, S. & Schoen, R. (1999). The effect of attitudes and economic activity of marriage. *Journal of Marriage and Family*, 61. 147-159.
- Savani, B. N. & Barrett, A. John. (2009). Hematopoietic Stem Cell Transplantation in Clinical Practice. *Churchill Livingstone*. 505-512. <https://doi.org/10.1016/B978-0-443-10147-2.50053-9>
- Setia, M. S. (2016). Methodology series module 3: Cross-sectional Studies. *Indian Journal Dermatol* 61(3), 261-264.
- Statistik Perkahwinan dan Penceraian. (2022). Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Stratton, S. (2021). Population research: Convenience sampling strategies. *Prehospital And Disaster Medicine* 36(4), 373-374. doi:10.1017/S1049023X21000649
- Taber, K. S. (2018). The use of Cronbach's alpha when developing and reporting research instruments in science education. *Research in Science Education* 48. 1273-1296.
- Wulandari, M. P. (2020). Kesiapan menikah pada dewasa awal. Ph.D Dissertation, Universitas Muhammadiyah Malang.